

REXOM_{TM} WINA NEURO TABLET

Pyridoxine Hydrochloride (B6)/Thiamine Hydrochloride (B1)/ Cyanocobalamin (B12) (200mg/100mg/200mcg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM_{TM} Wina Neuro
2. Bagaimana REXOM_{TM} Wina Neuro berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM_{TM} Wina Neuro
4. Cara mengambil REXOM_{TM} Wina Neuro
5. Semasa menggunakan REXOM_{TM} Wina Neuro
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM_{TM} Wina Neuro
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan REXOM_{TM} Wina Neuro

Untuk masalah yang berkaitan dengan saraf periferal, kesakitan pada bahagian saraf, masalah saraf disebabkan oleh kencing manis atau pengambilan sesetengah ubat, sindrom bahu dan lengan (ketidakupayaan yang menyakitkan), kekurangan dan keperluan vitamin B1, B6 and B12 yang meningkat.

Bagaimana REXOM_{TM} Wina Neuro berfungsi

REXOM_{TM} Wina Neuro mengandungi 3 jenis Vitamin B iaitu Pyridoxine Hydrochloride (B6), Cyanocobalamin (B12) dan Thiamine Hydrochloride (B1). Ini adalah vitamin B yang akan mengantikan kekurangan dalam badan.

Sebelum menggunakan REXOM_{TM} Wina Neuro

-Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada:

- orang yang hipersensitif kepada sebarang komponen dari formulasi ini.
- orang yang mempunyai psoriasis (masalah kulit).
- orang yang mempunyai masalah gastrousus.

-Sebelum menggunakan ubat ini

Mengandung dan menyusukan anak

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda

mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Cara mengambil REXOM_{TM} Wina Neuro

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM_{TM} Wina Neuro seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

Dos biasa

Dewasa: 1- 3 tablet setiap hari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Tablet perlu ditelan bersama sedikit air tanpa dikunyah, ketika atau selepas makan.

-Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM_{TM} Wina Neuro seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau seseorang telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak REXOM_{TM} Wina Neuro boleh menyebabkan:

- kesakitan saraf periferal yang teruk.
- tindak balas hipersensitif alahan.

Semasa menggunakan REXOM_{TM} Wina Neuro

-Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM_{TM} Wina Neuro.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melainkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM_{TM} Wina Neuro dengan seseapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana REXOM_{TM} Wina Neuro mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, REXOM_{TM} Wina Neuro boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat apa-apa kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan sampingan lain:

- tindak balas hipersensitiviti jarang berlaku dan hanya kelihatan pada kulit.
- Vitamin B6 boleh menerukkan jerawat yang sedia ada.

REXOM_{TM} WINA NEURO TABLET

Pyridoxine Hydrochloride (B6)/Thiamine Hydrochloride (B1)/ Cyanocobalamin (B12) (200mg/100mg/200mcg)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM_{TM} Wina Neuro

-Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di antara 15-30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet berwarna merah jambu, bulat dengan garisan pemisah pada satu belah.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Pyridoxine Hydrochloride (B6),
Thiamine Hydrochloride (B1) dan
Cyanocobalamin (B12)
- Bahan-bahan tidak aktif
Lactose, Magnesium stearate, Corn starch, Microcrystalline cellulose, Kollidon PVP dan Spirit chloroform.

-Nomor MAL

MAL19991911X

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park
Phase 4, 11900 Penang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

22/11/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)141117/00314